

25 kakitangan Kuin terima APC, Anugerah Khas Rektor 2015



KUALA KETIL - Seramai 25 kakitangan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menerima penghargaan bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Rektor 2015.

Pengarah Pusat Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Pembangunan Perniagaan Kuin, Hamlin Din berkata, majlis anugerah itu diadakan bagi menghargai kesungguhan dan komitmen kakitangan yang cemerlang.

Menurutnya, dalam anugerah itu, seramai 23 kakitangan menerima APC dan dua lagi menerima Anugerah Khas Rektor bersama-sama sijil dan wang sugu hati.

"Majlis diadakan di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah dan disambut secara tahunan. Hampir 500 kakitangan hadir pada majlis berkenaan," katanya.

Sementara itu, Rektor Kuin, Datuk Dr Mohd Fakhruddin Abdul Mukti berkata, setiap individu yang berkhidmat di Kuin perlu bersama-sama menggalas tanggungjawab bagi membantu kolej mencapai visi dan misinya.

"Dengan cara ini ia dapat melonjak nama Insaniah sebagai salah satu IPT (institusi pengajian tinggi) pilihan ramai pada masa akan datang," katanya.

Se semua penerima APC dan Anugerah Khas Rektor 2015 bergambar selepas tamat program.